



UMS menjuarai Pertandingan Student in Free Enterprise peringkat kebangsaan, baru-baru ini.

Oleh Rosniza
Mohd Taha
yoniza@bharian.com.my

■ Kuala Lumpur

BH 09.08.2012 V2

Pelaksanaan tiga projek keusahawanan sosial yang berjaya meningkatkan taraf kehidupan lebih 1,500 ahli masyarakat membolehkan Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjuarai pertandingan Students in Free Enterprise (SIFE) peringkat kebangsaan di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini, baru-baru ini.

Kejayaan itu sekali gus melayakkan mereka mewakili negara ke pertandingan Piala Dunia SIFE di Washington, Amerika Syarikat, pada 30 September hingga 2 Oktober ini.

Pasukan SIFE UMS berjaya memikat hati juri dalam kalangan pengurusan kanan syarikat korporat menerusi projek membantu komuniti Kepulauan Manta-

ton, Amerika Syarikat, pada 30 September hingga 2 Oktober ini.

nani, Kota Belud; menjana pendapatan menerusi penghasilan Eco Purse berasaskan pembungkus plastik sekali gus mengurangkan masalah longgokan sampah di pulau itu.

Wakil UMS, Diedre Eligius, berkata pasukannya yang

diwakili 13 pelajar turut membentangkan mengenai penghasilan biotena menggunakan najis lembu sebagai sumber bekalan elektrik dan gas memasak menggantikan penggunaan generator dan kayu api.

"Projek biotena ini

dilaksanakan di Kampung Maridi, Ulu Sugut, Ranau dengan bimbingan Jabatan Kemajuan Haiwan dan Ternak Sabah. Ia bagi menjana tenaga elektrik untuk membantu mereka yang memerlukan," katanya.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah.

Tingkat pendapatan

Menerusi projek Borneo C.O.C.O pula, pelajar UMS membantu meningkatkan pendapatan perniagaan 30 peniaga puding kelapa menerusi bimbingan teknik pemasaran serta pengembangan perniagaan yang berkesan.

UMS mengenepikan saingan hebat pasukan Universiti Tenaga Nasional yang menduduki tempat kedua serta Universiti Malaysia Terengganu dan Universiti Utara Malaysia yang turut layak ke pusingan akhir.

Terdahulu, pasukan SIFE UMS mengatasi pasukan The University of Nottingham Malaysia Campus dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) di peringkat separuh akhir.

Sebanyak 29 pasukan institusi pengajian tinggi awam dan swasta menyertai acara tahunan anjuran Yayasan SIFE Malaysia itu sebagai wadah mengetengahkan projek jangkauan komuniti pelajar.

Selepas kejuaraan yang disandang pada 2009, UMS terus memberikan saingan dengan menduduki tempat kedua pada 2010 dan tahun lalu sebelum kembali mengungguli pertandingan pada tahun ini.